



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 30 TAHUN 2009**

---

**DASAR PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK HASIL  
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)  
YANG DIBIYAI OLEH KERAJAAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Kerajaan mengenai **Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Hasil Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Yang Dibiayai Oleh Kerajaan.**

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1999 mengenai Garis Panduan Bagi Pengurusan Harta Intelek Yang Dimiliki Oleh Kerajaan Dan Agihan Sagu Hati Hasil Penyelidikan Yang Dikomersialkan Kepada Pegawai Awam yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 1999.

3. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menyediakan kerangka dan persekitaran yang lebih baik untuk menggalakkan rekacipta, kerja-kerja kreatif dan

pemindahan teknologi, mengeksploitasi hak intelek untuk tujuan komersial dan memberi ganjaran sewajarnya kepada mereka yang berkenaan, Kerajaan telah bersetuju supaya suatu dasar yang lebih komprehensif dan terpakai kepada semua Kementerian, Jabatan, agensi serta institusi penyelidikan diwujudkan bagi menggantikan garis panduan yang telah dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1999.

## **DASAR BARU**

4. Kerajaan melalui Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengeluarkan **Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Hasil Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Yang Dibiayai Oleh Kerajaan** berkuat kuasa mulai **1 Jun 2009**.

5. Dasar ini adalah terpakai kepada semua Kementerian, Jabatan, agensi, institusi penyelidikan dan pegawai awam yang terlibat dalam pengkomersialan harta intelek hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibiayai oleh Kerajaan.

## **PEMBATALAN**

6. Dengan berkuat kuasanya dasar ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1999 mengenai Garis Panduan Bagi Pengurusan Harta Intelek Yang Dimiliki Oleh Kerajaan Dan Agihan Sagu Hati Hasil Penyelidikan Yang Dikomersialkan Kepada Pegawai Awam adalah **dibatalkan**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

7. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2009**.

## **PEMAKAIAN**

8. Peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ISMAIL ADAM)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

31 Disember 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan